BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 10/10/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Jumaat, 29 Oktober 2010

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

September 2010

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana pada bulan September dengan peningkatan pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 1.8%. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol dan pengangkutan. Harga makanan yang sederhana disebabkan oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori makanan di rumah berikutan kenaikan harga yang lebih sederhana dalam subkategori sayur-sayuran dan ikan dan makanan laut susulan penguatkuasaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan oleh Kerajaan pada bulan Ramadan dan sambutan Aidilfitri. Sementara itu, harga dalam kategori pengangkutan juga menjadi sederhana berikutan luputnya kesan pelarasan harga bahan api pada bulan September 2009.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan September. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas (M3) meningkat pada bulan itu, mencerminkan terutamanya pemberian kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Peningkatan dalam M3 juga disokong oleh aliran masuk asing. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat sebanyak RM10.4 billion pada bulan September disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan itu. Terbitan PDS meningkat disebabkan terutamanya oleh satu terbitan berskala besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi. Pinjaman terkumpul kepada perniagaan berkembang mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor pembinaan, perkilangan dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Pinjaman isi rumah juga terus meningkat. Sementara itu, permohonan pinjaman daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah menjadi sederhana berbanding dengan paras permohonan pinjaman yang secara relatif tinggi pada bulan September.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.8% dan 13.1%. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) termasuk pinjaman terjejas (impaired loans) bertambah baik pada bulan September 2010 untuk mencakupi 2% daripada pinjaman bersih, disebabkan oleh jumlah kemungkiran baharu yang lebih rendah dan pengurusan aset terjejas oleh sebuah institusi perbankan. Perlindungan kerugian pinjaman terus melebihi 90%.


Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan September, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan yen Jepun, tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China, dolar Singapura dan euro. Prospek pertumbuhan Asia yang positif berbanding dengan negara-negara maju telah mendorong mata wang serantau menambah nilai berbanding dengan dolar AS. Jangkaan pelabur terhadap pelonggaran dasar monetari selanjutnya oleh Federal Reserve AS juga meningkatkan sentimen terhadap pasaran kewangan serantau. Di dalam negeri, kenaikan gred pasaran modal Malaysia daripada pengelasan “secondary emerging” kepada “advanced emerging” oleh FTSE Group juga telah meningkatkan lagi sentimen terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, pada bulan Oktober, ringgit menyusut nilai berbanding dengan rakan perdagangan utama Malaysia disebabkan oleh faktor tertentu yang telah mendorong mata wang negara-negara tersebut menambah nilai dengan lebih nyata berbanding dengan ringgit. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM322.7 bilion (bersamaan dengan USD104.6 bilion) pada 15 Oktober 2010, memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan ialah 4.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
29 Oktober 2010


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi menjadi sederhana pada bulan September

Inflasi




Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen




* Lain-lain termasuk perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, restoran dan hotel, pendidikan, kesihatan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, dan pakaian dan kasut

Kadar faedah stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata




Kadar Antara Bank Purata




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar Deposit Bank Perdagangan




Kadar Pinjaman Bank Perdagangan




Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit




Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pertumbuhan wang secara luas mampan

M1 dan M3




Penyumbang Utama Pertumbuhan M3




Aktiviti pembiayaan stabil pada paras tinggi pada bulan September

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman




Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan terkumpul dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta




* Tidak termasuk terbitan asing


Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan




Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh berserta kualiti pinjaman yang stabil

Kekukuhan Modal



NPL Bersih dan Peruntukan



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.
1 Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.


Prestasi ringgit bercampur-campur

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 10		Ogos10		Sept10	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		56.0	7.7	60.3	11.6	57.6	3.2
M1		205.6	10.7	214.4	13.9	213.4	11.5
M2		1,011.1	8.3	1,023.0	8.2	1,028.8	8.3
M3		1,039.0	8.1	1,052.5	8.2	1,058.5	8.5
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		5.8	10.7	7.9	10.9	10.4	10.9
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.7		81.4		81.3	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		88.0		87.6		87.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		58.4	13.6	62.6	46.0	53.2	28.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		28.9	7.9	31.4	40.1	28.7	22.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		59.6	-2.9	56.7	9.0	60.2	10.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		56.9	11.9	52.8	16.6	55.3	11.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.8		15.1		14.8	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.1		2.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		310.6		311.3		310.7	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		95.0		95.2		100.7	
Bilangan bulan import tertangguh		7.9		7.9		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.72		2.72		2.73	
Antara bank:	Semalaman	2.72 [2.63]		2.72 [2.71]		2.73 [2.71]	
	1 minggu	2.77 [2.71]		2.75 [2.77]		2.76 [2.77]	
	1 bulan	2.81 [2.76]		2.83 [2.82]		2.81 [2.81]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.70		2.70		2.70	
	3 bulan	2.72		2.72		2.72	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.27	
ALR bank perdagangan		5.19		5.22		5.19	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.0	1.9	114.4	2.1	114.4	1.8

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my